

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JUN 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 4
SURAT

Semakan semula RMK13 bukan tergesa-gesa

4 | NASIONAL

'Semakan semula RMK13 bukan tergesa-gesa'

Fahmi tegaskan ia telah melalui proses perbincangan sejak dua minggu lepas

KUALA LUMPUR

Angkah kerajaan menyemak semula Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bukan reaksi yang tergesa-gesa, sebaliknya telah melalui proses perbincangan sejak dua minggu lepas.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, perbincangan tersebut telah bermula daripada draf yang telah dibentangkan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Ekonomi kepada Jemaah Menteri.

"Kita sebenarnya dah berbincang, dalam sidang media saya beberapa minggu yang lepas, saya telah sebut bahawa

Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) telah memberi arahan... untuk meneliti draf yang telah dibentangkan oleh KSU Kementerian Ekonomi.

"Seperti yang umum sedia maklum, sebarang dasar program atau pun keputusan yang dibuat, pertama mesti dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

"Maka Perdana Menteri telah minta supaya pada Jumaat minggu lepas, semua kementerian meneliti draf dan menulis kepada Kementerian Ekonomi dengan maklum balas," katanya pada sidang akbar selepas merasmikan Program Nadi Aspirasi Nasional Bersama Anak Muda anjuran Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) di sini pada Sabtu.

Fahmi yang juga jurucakap Kerajaan Madani berkata, ber-



FAHMI

ikutkan perkara itu, satu sidang khas Jemaah Menteri telah diadakan pada Isnin minggu lepas untuk meneliti pandangan daripada semua kementerian.

"Dalam mesyuarat itu telah dilihat banyak perkara yang telah diminta oleh kementerian-kementerian yang

perlu diambil kira oleh Kementerian Ekonomi dalam membentuk dokumen RMK13.

"Itulah antara sebab kenapa Jemaah Menteri pada Rabu lepas, (iaitu) mesyuarat yang terakhir telah memutuskan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah diminta untuk menggalas tugas dan fungsi Menteri Ekonomi," katanya.

Terdahulu, bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli dilaporkan telah mempersoalkan langkah kerajaan menyemak semula RMK13 sebagai reaksi tergesa-gesa terhadap kritikan di media sosial.

Perkara itu susulan pengumuman Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar kelmarin, yang memaklumkan Amir Hamzah telah ditugaskan untuk "mengolah dan merombak semula" RMK13 sambil menjalankan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi berkuat kuasa serta -merta. - Bernama

Rafizi persoal isu rombak RMK13 saat akhir

Waktu memandangkan hasil pengalihan dikenakan sejak awal tahun lalu, kerajaan berharap RMK13 yang lengkap akan siap pada akhir tahun ini. Namun, kerajaan berharap hasil kerja yang dilakukan pada akhirnya akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama, etnik atau bangsa.

"Aduan ini bermula sejak beberapa hari yang lalu. Saya mendapat maklumat bahawa ada seorang ahli politik yang mengatakan bahawa kerajaan berharap hasil kerja yang dilakukan pada akhirnya akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama, etnik atau bangsa.

Menurutnya, kerajaan berharap hasil kerja yang dilakukan pada akhirnya akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama, etnik atau bangsa.

“Saya bertemu dengan Pak Rafizi dan dia mengatakan bahawa hasil kerja yang dilakukan pada akhirnya akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama, etnik atau bangsa.

“Aduan ini bermula sejak beberapa hari yang lalu. Saya mendapat maklumat bahawa ada seorang ahli politik yang mengatakan bahawa kerajaan berharap hasil kerja yang dilakukan pada akhirnya akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama, etnik atau bangsa.

Menurutnya, kerajaan berharap hasil kerja yang dilakukan pada akhirnya akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama, etnik atau bangsa.



Scanned with CamScanner

Laporan Sinar Harian pada Sabtu.

